

28/03/2001

Kerajaan cari jalan elak syarikat asing buang pekerja tempatan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan mencari jalan membendung syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di negara ini memberhentikan pekerja tempatan dahulu daripada pekerja asing.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menasihatkan syarikat terbabit untuk mengelak berbuat demikian berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Beliau bagaimanapun membayangkan kemungkinan mengambil tindakan tertentu jika MNC terus memilih memberhentikan pekerja tempatan terlebih dahulu daripada pekerja asing.

"Kerajaan mencari jalan untuk mengambil tindakan," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan boleh bertindak terhadap MNC yang berbuat demikian, ketika kebimbangan wujud kemungkinan berlaku perberhentian beramai-ramai pekerja berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah membuat keputusan bahawa sebarang perberhentian pekerja perlu dilakukan ke atas pekerja asing dahulu sebelum tindakan yang sama diambil terhadap anak tempatan.

Beliau berharap, jika pihak industri terpaksa memberhentikan pekerja rakyat tempatan, ia seharusnya dilakukan pada masa yang membolehkan mereka mencari pekerjaan lain.

Mengenai kenyataan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTU) semalam bahawa maklum balas menunjukkan banyak syarikat sudah mula memberhentikan pekerja tempatan, Dr Mahathir berkata:

"Itu (memberhenti pekerja tempatan) adalah cara terbaik, kerana mereka mengupah kurang kepada pekerja asing, tetapi membayar lebih kepada pekerja tempatan.

"Jadi, untuk mengaut sebanyak mungkin wang (keuntungan), mereka memilih untuk memberhentikan pekerja Malaysia daripada pekerja asing," katanya.

Dr Mahathir mengakui akan berlaku pemberhentian pekerja tetapi menolak kemungkinan ia membabitkan terlalu banyak pekerja.

Mengenai kemungkinan kerajaan terpaksa menghantar pulang ramai pekerja asing, beliau berkata: "Saya tidak terfikir akan berlaku penghantaran begitu banyak.

"Tetapi kita akan menghantar mereka pulang. Kebimbangan kita sekarang ini ialah jumlah rakyat Indonesia yang cuba masuk ke negara ini yang boleh memburukkan lagi keadaan.

"Sebab itu, kita mengambil tindakan lebih tegas bagi menjamin mereka tidak masuk secara sewenang-wenangnya," katanya.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn baru-baru ini dilaporkan berkata sekurang-kurangnya 6,000 pekerja di sektor perkilangan serta komputer di negara ini dijangka diberhentikan sehingga akhir tahun ini berikutan kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat.

Di Pulau Pinang lebih 4,000 pekerja Prai Seagate Storage Products Sdn Bhd (Seagate) diberhentikan kerana kilangnya di Prai akan ditutup menjelang akhir tahun ini. Seagate, adalah pengeluar pemacu cakera terbesar di dunia.

Industri elektronik global khususnya di Amerika Syarikat kini mengalami tempoh pertumbuhan perlahan menyebabkan pemberhentian tenaga kerja oleh syarikat tertentu bukan saja di Malaysia malah di seluruh dunia.

(END)